



INOVASI
PERAK

AIPBT 2023

KUMPULAN DIGIT

**PENGURUSAN KUTIPAN
HASIL DI KAWASAN PENTADBIRAN
MAJLIS DAERAH KERIAN**





RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Daerah Kerian adalah sebuah agensi berkanun yang perlu mencari sumber kewangan sendiri. Bagi menjalankan fungsi sebagai pihak berkuasa tempatan, maka sumber kewangan yang mampan amat diperlukan untuk mentadbir kawasan yang telah diwartakan. Sumber hasil Majlis adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 39 Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu semua cukai, kadar, sewa, bayaran lesen, dius dan lain-lain wang atau caj yang kena dibayar kepada pihak berkuasa tempatan.

Maka, bagi memastikan Majlis di dalam mod siap siaga menghadapi pelbagai cabaran supaya hasil majlis tidak terjejas maka **Kumpulan DIGIT** tampil dengan cadangan bagi memperkasakan kutipan hasil majlis dengan memperkenalkan “**PENGURUSAN KUTIPAN HASIL DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH KERIAN**” dengan menggunakan lori kaunter bergerak “**SMART MOVER**”. Kumpulan ini terdiri daripada kakitangan di Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Bahagian Perlesenan Majlis Daerah Kerian. Projek ini ada inisiatif dalam mempelbagaikan cara kutipan hasil dan untuk mendekatkan lagi Majlis dengan masyarakat.